

# KAJIAN KEPUSTAKAAN INDIKATOR PELANCONGAN WARISAN

## *CASE STUDY ON INDICATORS OF HERITAGE TOURIST*

Wong, M.H.<sup>1</sup>  
Er, A.C.<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Program Pengurusan Persekitaran, Pusat Siswazah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM, Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

<sup>2</sup>Pusat Pembangunan, Sosial, dan Persekitaran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM, Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

*Accepted date: 09-12-2018*

*Published date: 11-03-2019*

*To cite this document:* Wong, M. H., & Er, A. C. (2019). Kajian Kepustakaan Indikator Pelancongan Warisan. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 4(13), 90-101.

---

**Abstrak:** Kajian ini mengkaji tentang mengenalpasti indikator kelestarian pelancongan warisan dan mengkaji impak kelestarian pelancongan terhadap komuniti tempatan. Pengkaji telah memilih pendekatan penyelidikan secara kuantitatif yang menggunakan metod kajian kepustakaan sama ada di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan lokal tentang indikator pelancongan warisan. Namun sepanjang kajian dijalankan, terdapat juga kekangan untuk mendapatkan maklumat yang terperinci tentang indikator kelestarian pelancongan warisan kerana terdapat beberapa buku dan artikel atas talian tidak dapat dibuka atas privasi tertentu. Berdasarkan hasil kajian, pelancongan warisan secara umumnya merupakan satu bentuk pelancongan untuk melihat segala khazanah warisan yang telah diwarisi daripada generasi terdahulu seperti sejarah, kebudayaan, kesenian, alam semula jadi, artifak dan lain-lain. Dari segi indikator kelestarian pelancongan warisan dapat dikenalpasti dari segi budaya dan semula jadi. Dari segi impak kelestarian pelancongan terhadap komuniti tempatan pula, impak ini terbahagi kepada 4 bahagian iaitu budaya, ekonomi, sosial dan persekitaran. Kesimpulannya, Pembangunan pelancongan lestari menyokong dan dapat memastikan agar keadaan dan status ekonomi, sosial dan budaya sesebuah masyarakat yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan aktiviti pelancongan berada pada tahap yang baik. Pendapatan kewangan daripada pelancongan dapat menyumbang kepada peningkatan taraf hidup, keselamatan dan kestabilan sosial serta menjana lebih banyak peluang untuk pembangunan dan kebolehan berdikari atau menampung diri sendiri terutamanya bagi masyarakat setempat di sesebuah destinasi.

**Kata Kunci:** Pelancongan, Warisan, Indikator, Kelestarian, Impak

*Abstract:* This study examines the identification of the indicators of heritage tourism sustainability and studies the impacts of tourism on the local community. Researchers have chosen a quantitative research approach that uses the literature study methodology

*internationally, nationally and locally on legacy tourism indicators. However during the course of the study, there are also constraints to getting detailed information on the heritage tourism sustainability indicators as there are some online books and articles that can't be opened for certain privacy. Based on the results of the study, heritage tourism is generally a form of tourism to see all heritage inherited from previous generations such as history, culture, art, nature, artefact and others. In terms of indicators of the sustainability of heritage tourism can be identified in terms of culture and nature. In terms of the impact of tourism sustainability on the local community, these impacts are divided into 4 sections namely culture, economy, social and environment. In conclusion, Sustainable tourism development supports and ensures that the economic, social and cultural conditions and societies of a community that are directly and indirectly involved with tourism activities are at a good level. Financial income from tourism can contribute to the improvement of living standards, security and social stability as well as generating more opportunities for development and self-reliance or self-sufficiency especially for local communities at a destination.*

**Keywords:** *Tourism, Heritage, Indicator, Sustainability, Impact*

---

## **Pengenalan**

Sektor pelancongan berkembang seiring dengan kemajuan sains dan teknologi terutamanya dalam bidang pengangkutan, telekomunikasi dan maklumat. Keadaan ini dapat dilihat dengan kehadiran pelancong dapat melancong ke mana-mana negara dengan mudah tanpa mengira orang, masa dan tempat. Kini, pelancongan sudah menjadi satu kebiasaan bagi sesetengah masyarakat dan juga dianggap sebagai sebahagian daripada keperluan yang harus dipenuhi dalam kehidupan. Dengan hal sedemikian, kebanyakan negara sentiasa mementingkan kemajuan pelancongan dan akan menaik taraf serta mempertingkatkan perkhidmatan pelancongan agar mampu menarik lebih banyak pelancong ke negara mereka sekali gus meningkatkan ekonomi negara dari semasa ke semasa. (UNWTO, 2015)

Penyata yang dinyatakan oleh World Heritage Centre (2013) menunjukkan bahawa sesebuah kawasan yang mempunyai pelbagai potensi aset merupakan modal asas bagi pembangunan sektor pelancongan. Oleh hal sedemikian, pihak yang bertanggungjawab harus mengusahakan potensi tersebut agar dapat dijadikan sebagai identiti kawasan tersebut. Dengan ini pembangunan pelancongan akan lebih berarah dan mampu mengurangkan persaingan negatif antara satu kawasan dengan kawasan yang lain terutamanya kawasan yang mempunyai potensi sumber yang sama dengannya. (Truscott, 2013).

Terdapat beberapa indikator yang dapat mengenalpasti pelancongan warisan yang akan menjadi tarikan pelancong yang berpotensi dibangunkan dengan lebih berjaya dan lestari agar dapat dijadikan sebagai satu pendorong untuk membangunkan sektor ekonomi negara sekali gus memupuk rasa cinta akan tanah air dan memelihara budaya bangsa. Potensi tarikan pelancongan warisan di sesebuah kawasan akan mampu mengerakkan sektor ekonomi masyarakat setempat. Oleh itu, pelancongan warisan ini memerlukan pengurusan yang baik secara profesional, berterusan dan lestari agar dapat memberikan daya tarikan yang berterusan dan kesan positif kepada pelancong, masyarakat dan negara (Ardika, 2012).

Pelancongan warisan tidak kira dari segi budaya mahupun alam semula jadi telah mendapat perhatian yang meluas dan tinggi kerana kesedaran yang semakin meningkat tentang keperluan dan kepentingan untuk mengekalkan pelancongan warisan ini sebagai bukti sejarah masa lampau. Bukan itu sahaja, peluang ekonomi dalam sektor pelancongan warisan boleh

dijalankan dengan pelbagai cara termasuklah perniagaan, lawatan sambil belajar, pemeliharaan untuk memperbaiki kehidupan masyarakat setempat dan sebagainya. Menurut Mitchell (2009) mengatakan bahawa pemeliharaan terhadap pelancongan warisan dapat dijalankan dengan profesional dengan melibatkan beberapa pihak iaitu pemegang polisi, ahli politik, pakar pedagang dan masyarakat setempat.

Oleh itu, pelancongan warisan merupakan satu pelancongan yang akan membawa banyak manfaat kepada pelbagai pihak dan ekonomi negara. Dengan hal ini pelancongan warisan harus dikenali dan dikekalkan serta dipelihara dengan baik dan lestari agar dapat terus membawa impak yang positif kepada kita dan dinikmati oleh generasi yang akan datang nanti.

### Kajian Literatur

Bahagian ini akan membincangkan kajian-kajian literatur yang berkaitan dengan pelancongan dan pelancongan warisan di beberapa kawasan yang termasuk dalam UNESCO.

**Jadual 1: Kajian Literatur Berkaitan dengan Pelancongan**

Bil	Penulis	Hasil Kajian
1.	Goeldner dan McIntosh (2006)	Pelancongan boleh ditakrifkan sebagai satu sains, seni dan urusan yang berkaitan dengan pelawat, menyediakan kemudahan pengangkutan dan penginapan, seterusnya melayan keperluan dan kehendak mereka. Pelancongan selalunya melibatkan seseorang atau sekumpulan individu yang melawat atau berkunjung ke sesuatu tempat khusus untuk meninjau dan menikmati keindahan kawasan berkenaan, melawat rakan taulan dan saudara-mara dan untuk bercuti. Pelancongan turut melibatkan seseorang dengan pelbagai urusan sebagai tujuan utama keluar dari tempat kediaman asal mereka buat sementara waktu, contohnya untuk tujuan persidangan, perniagaan ataupun melanjutkan pelajaran.
2.	Goeldner dan Ritchie (2006)	Pelancongan adalah seperti berikut :- <i>...is a composite of activities, services and industries that deliver a travel experience: transportation, accommodations, eating and drinking establishments, shops, entertainment, activity facilities and other hospitality services available for individuals and groups that are traveling away from home.</i>
3.	Zbigniew (1995)	Pelancongan merupakan sektor ekonomi yang menawarkan produk paling bernilai, iaitu alam semula jadi. Aset ini merupakan khazanah semula jadi dan warisan yang tidak ternilai harganya. Secara umumnya, pelancongan dalam konteks ini melibatkan pengalaman aktiviti luar merangkumi pelbagai aktiviti, dari hanya aktiviti

		<p>pelancongan pasif seperti berjalan kaki menikmati pemandangan hutan atau pelancongan yang bersifat pengalaman pengembaraan, sehinggalah kepada pelancongan yang berbentuk pemerhatian seperti memandu sambil menikmati pemandangan di pantai dan memerhati hidupan liar.</p>
4.	<p>Ko dan Stewart (2002), Kuvan &amp; Akan (2005), Shukor et al. (2014), AlmeidaGarcía et al. (2016)</p>	<p>Pembangunan pelancongan mengambilkira faktor ekonomi, sosial dan budaya komuniti tempatan serta alam sekitar sebagai penentu pembangunan. Faktor-faktor ini mempunyai kesan rantaian antara satu sama lain. Sekiranya pembangunan pelancongan hanya memberi penekanan kepada faktor ekonomi sahaja tanpa mengambilkira kesan kepada alam sekitar, maka pembangunan yang dijalankan adalah tidak lestari.</p>
5.	<p>Godfrey (1998)</p>	<p>Kelestarian pembangunan adalah memelihara persekitaran alam sekitar dan pada masa memperoleh industri pelancongan yang sihat.</p>
6.	<p>Ko dan Stewart (2002)</p>	<p>Pembangunan pelancongan dapat membuka peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan. Kajian mereka disokong oleh hasil kajian oleh Deng et al. (2016). Penjanaaan peluang pekerjaan menjana sumber pendapatan yang menyumbang kepada peningkatan taraf hidup mereka sebagaimana dapatan kajian oleh Látková dan Vogt (2012) dan Upchurch dan Teivane (2000).</p>
7.	<p>Volare, 2012</p>	<p>Dalam pembangunan sektor pelancongan warisan budaya, terdapat beberapa kecenderungan terhadap tahap penurunan pengurusan aset warisan budaya yang bersifat nyata ataupun bukan nyata terutamanya yang berlaku di luar bandar. Tahap pengurusan yang masih lagi lemah terhadap aset dan pemahaman kepelbagaian budaya, kelihatan seperti belum adanya lagi kriteria yang jelas dalam menyelamatkan aset warisan budaya terutamanya bagi aset budaya yang berskala nasional.</p>
8.	<p>Cauto, 2013</p>	<p>Malaysia adalah salah satu negara yang memiliki keunikan budaya yang tersendiri kerana kepelbagaian budaya yang dimilikinya. Oleh yang demikian, terdapat banyak daya tarikan yang cukup tinggi bagi menarik pelancong dari dalam mahupun luar</p>


		<p>negara. Walau bagaimanapun, Malaysia masih lagi belum mampu menjadikan sektor pelancongan sebagai salah satu sektor yang unggul. Apabila dilihat dari sudut produk pelancongan, Malaysia memiliki produk pelancongan warisan budaya yang sangat beragam. Selain daripada potensi daya tarikan pelancongan budaya dan pelancongan sejarah, terdapat juga potensi tarikan budaya masyarakat seperti kesenian rakyat, upacara adat dan cerita-cerita rakyat yang boleh diketengahkan untuk memberi pengalaman baru kepada pelancong yang datang ke Malaysia. Daya tarikan ini seharusnya mampu menjadi asas bagi kerajaan dalam memperbaiki sektor pelancongan untuk menjadi lebih baik.</p>
9.	Abdullah, 2013	<p>Pembangunan di kawasan pelancongan warisan budaya merupakan salah satu bentuk konkrit dalam mengekalkan budaya. Meskipun begitu, manfaat daripada pembangunan pelancongan yang mempunyai nilai-nilai pemuliharaan aset budaya ini masih belum lagi terlaksana dengan baik. Oleh yang demikian, satu perancangan diperlukan agar warisan budaya ini dapat berfungsi dengan lebih optimum dalam mempertingkatkan pemahaman masyarakat tentang kepentingan karya-karya budaya bangsa khususnya dalam bentuk pengurusan kebudayaan dan pelancongan yang lebih baik. Kawasan pelancongan budaya mengandungi makna pengukuhan peraturan dan penyusunan asas yang mempermudah dan memastikan pelaku-pelaku di bidang kebudayaan dan pelancongan aktif dan menyelaras. Kawasan pelancongan budaya merupakan pelaksanaan berdasarkan kepada dua kepentingan iaitu mengembangkan kebudayaan, dan kebudayaan merupakan bahagian penting dalam memperkembangkan kekuatan budaya tempatan yang mempunyai nilai "<i>unique selling point</i>" sebagai asas untuk memasyarakatkan keunggulan komparatif dari segi budaya dan pelancongan</p>

Sumber: Kajian Literatur 2018

## Metodologi

### *Lokasi Kajian*

Kota Kinabalu terletak di pantai barat Sabah. Bandar ini terletak di dataran yang sempit di antara Banjaran Crocker ke timur dan Laut China Selatan ke barat. Terdapat enam pulau di luar pantai bandar. Yang terbesar ialah Pulau Gaya yang merupakan bekas tapak penempatan British yang pertama. Kira-kira 8,000 orang tinggal di sana. Pulau-pulau kecil yang tidak berpenghuni, antaranya Pulau Manukan, Pulau Mamutik, Pulau Sapi, Pulau Suluk dan Pulau Sepanggar, terletak di utara bertentangan dengan Taman Negara Teluk Sepanggar. Tanah rata tertumpu di pusat bandar, dan terdapat had yang ketat untuk ketinggian bangunan: lapangan terbang terletak 7 km (4 mi) dari bandar dan kawasan bandar berada secara langsung dalam laluan penerbangan. Kebanyakan kawasan Daerah Pusat Perniagaan (Central Business District, (CBD)) hari ini dibina di atas tanah yang ditambak dari laut. Kehidupan tumbuhan asal kebanyakannya sudah hilang, tetapi beberapa bukit di dalam bandar (terlalu curam untuk dibina bangunan) masih dilitupi dengan hutan hujan tropika. Salah satu daripadanya ialah Signal Hill, yang berbatasan dengan CBD arah ke pantai. Di kawasan Teluk Likas, saki-baki hutan bakau yang luas sudah hampir hilang. Pada tahun 1996, kerajaan negeri telah mengisytiharkan 24 ekar (97,000 m<sup>2</sup>) hutan sebagai kawasan yang dilindungi. Hutan ini kini dikenali sebagai Kota Kinabalu Wetlands. Tempat perlindungan itu diberikan perlindungan tambahan sebagai Tapak Warisan Budaya Negeri pada tahun 1998.



**Rajah 1.0 : Pemandangan Matahari Terbenam di Kota Kinabalu**

Lima pulau (Gaya, Sapi, Manukan, Sulug, Mamutik) yang berhadapan dengan bandar dipelihara sebagai Taman Negara Tunku Abdul Rahman. Taman ini dinamakan sempena nama Perdana Menteri Malaysia yang pertama, iaitu Tunku Abdul Rahman. Ia merupakan tempat rekreasi popular bagi pelancong dan penduduk tempatan. Pusat bandar Kota Kinabalu kebanyakannya merupakan kawasan perniagaan dan pentadbiran kerajaan yang termasuk Karamunsing, kawasan pelabuhan (Tanjung Lipat), Signal Hill, Kampung Air, Sinsuran, Segama, Asia City, Gaya Street (Bandar Lama), Bandaran Berjaya, Api-Api, Sutura Harbour dan Sembulan. Kawasan kejiranan dan pinggir bandar kediaman termasuk Kepayan Ridge, Tanjung Aru, Petagas, Kepayan, Lido, Lintas, Nosoob, Bukit Padang, Luyang, Damai, Likas dan Kolombong. Bandar ini semakin berkembang sehingga menjangkau ke pekan Inanam, Menggatal, Sepanggar, Telipok dan selatan sempadan daerah Penampang, Putatan, dan Lok Kawi. Kota Kinabalu umumnya berada jauh dari pusat pemerintahan utama negara, ia terletak kira-kira 1,624 kilometer (1,009 mi) dari Kuala Lumpur yang berada di Semenanjung Malaysia dan juga 804 kilometer (500 mi) dari Kuching, ibu negeri jirannya iaitu Sarawak.




**Rajah 2.0 : Penempatan bangsa Moro di Pulau Gaya**

### ***Kajian Kepustakaan***

Dalam kajian ini, pengkaji telah mencari bahan rujukan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Berdasarkan tajuk kajian, penyelidikan memerlukan bahan-bahan rujukan dari pelbagai bidang seperti pelancongan, geografi, pendudukan dan sebagainya. Jadi, kesemua perkara-perkara yang disebut di atas perlu dicari oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat tentang kajian ini.

Selain itu, kajian lepas juga perlu diteliti oleh pengkaji bagi menyokong tajuk kajian dan dijadikan sebagai sumber rujukan. Kajian-kajian lepas itu penting bagi menunjukkan bahawa kajian ini tidak mengulangi kajian lepas yang telah dibuat oleh pengkaji lain. Bukan itu sahaja, ia juga bertujuan bagi menghargai penulisan ilmiah para cendekiawan dalam bidang yang sama dengan kajian ini. Kebanyakan kajian lepas itu diambil daripada kajian yang telah dilaksanakan dalam negara dan beberapa kajian lagi diambil dari luar negara seperti Indonesia.

Selepas bahan rujukan yang diperlukan telah dicari dan dijumpai, pengkaji akan membaca dan meneliti setiap maklumat yang sedia ada dalam rujukan tersebut. Maklumat yang berkaitan dan bersesuaian dengan tajuk kajian akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian baru. Antara maklumat yang diambil oleh pengkaji adalah maklumat berkaitan dengan pelancongan, indikator kelestarian, pelancongan warisan, impak pelancongan warisan terhadap komuniti setempat, sejarah di kawasan kajian iaitu Kota Kinabalu, Sabah dan sebagainya.



**Rajah 3.0: Rangka Kerja Kajian**

## Hasil Kajian

### *Konsep Dan Petunjuk Pelancongan Warisan*

Dalam konteks alam sekitar, pelancongan bukan sahaja membawa kesan positif malah impak negatif bergantung kepada cara pengurusan pembangunan tersebut dirancang, dipantau dan dikawal. Pembangunan dan pengurusan pelancong yang tidak mengikut prosedur yang ditetapkan dan kurang sesuai akan menyebabkan kemusnahan habitat dan lanskap, menghapuskan sumber-sumber semula jadi dan membawa kesan yang serius kepada alam sekitar terutamanya pengurusan sampah yang tidak sistematik.

Dengan hal sedemikian, pendekatan pembangunan lestari bagi setiap perancangan pelancongan adalah diperlukan kerana sekiranya sumber ini dimusnahkan, maka kawasan pelancongan ini tidak dapat dijadikan sebagai tarikan kedatangan pengunjung lagi dan sekali gus akan tersisih dan terbiar begitu sahaja. Bagi merealisasikan konsep ini, petunjuk atau indikator tahap kelestarian harus dikenal pasti dan diguna pakai sebagai alat pengukuran kelestarian pelancongan warisan. Menurut Sham Sani (2001), indikator merupakan pengukuran sesuatu kriteria dan digunakan bagi dua tujuan utama iaitu mengkuantifikasikan maklumat bagi menjelaskan secara terperinci dan meringkaskan maklumat tentang sesuatu keadaan yang kompleks agar dapat difahami dengan mudah.

Petunjuk lestari adalah untuk mengukur perubahan, mengenal pasti proses dan menyediakan rangka kerja untuk tatacara sasaran dan prestasi pemantauan (Crabtree dan Bayfield, 1998). Petunjuk ini menyediakan kaedah untuk mencartakan kemajuan ke arah kepentingan matlamat agar dapat mencapai bentuk pembangunan yang seimbang dalam bidang sosial, ekonomi dan alam sekitar dan dijadikan sebagai objektif utama pembangunan lestari sesebuah negara. Jadual 1 menunjukkan indikator kelestarian dalam pelancongan warisan menurut Dymond (1997).



**Jadual 2 : Indikator Kelestarian Pelancongan Warisan**

<b>Indikator</b>	<b>Perincian Ukuran</b>	<b>Bidang Petunjuk</b>
1. Penjagaan tapak	Kategori penjagaan tapak yang mengikuti indeks "International Union for the Conservation of Nature and Natural Resources (IUCN)	Ekologi
2. Tekanan	Jumlah pelancong ke lokasi (tahunan & bulanan)	Ekologi
3. Kegunaan intensif	Kegunaan secara intensif pada tempoh tertinggi (jumlah pelawat per hektar)	Ekologi
4. Pengurusan bahan buangan	Peratusan bahan buangan yang dihantar ke tapak pelupusan (Petunjuk tambahan seperti bekalan air boleh juga digunakan)	Ekologi
5. Ekosistem yang kritikal	Jumlah spesies yang unik, lupus dan bakal lupus di kawasan	Ekologi
6. Impak sosial	Nisbah jumlah pelancong dengan penduduk tempatan (semasa tempoh tertinggi dan tempoh selepasnya)	Sosial
7. Kepuasan penduduk tempatan	Tahap kepuasan yang diluahkan oleh penduduk tempatan (mengggunakan bancian soal-selidik)	Ekonomi
8. Kawalan pembangunan	Mengggunakan prosedur rujukan persekitaran atau kawalan formal terhadap pembangunan pada tapak dan kepadatan.	Perancangan
9. Proses perancangan	Mengggunakan pelan perancangan wilayah yang telah dirancang untuk kawasan termasuk perancangan pelancongan	Perancangan
10. Kepuasan pengguna (pelancong)	Tahap kepuasan yang diluahkan oleh pelancong (mengggunakan bancian soal selidik)	Ekonomi
11. Sumbangan kepada ekonomi tempatan	Bahagian sumbangan daripada jumlah keseluruhan ekonomi yang diperolehi dari sektor pelancongan	Ekonomi

Sumber: Dymond (1997).

*Impak Pelancongan Warisan terhadap Komuniti Setempat*

**Jadual 3 : Impak Pelancongan Warisan terhadap Komuniti Setempat**

<b>Impak (Ekonomi)</b>	Boleh memberikan peluang kerja.
	Dapat menambah pendapatan sampingan keluarga
	Meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan di kampung
	Hasil pendapatan yang dijana boleh menyumbang kepada pembangunan kampung.
	Menggalakkan kepelbagaian aktiviti ekonomi (kedai runcit dan cenderamata).
	Meningkatkan kuasa beli dan menyebabkan kualiti hidup yang lebih baik.
	Membasmi kemiskinan dalam kalangan penduduk di kampung.
	Meningkatkan peluang kemahiran dan pengetahuan individu.
	Meningkatkan tahap kecekapan pengurusan
<b>Impak (Sosial)</b>	Meningkatkan kemahiran berkomunikasi
	Meningkatkan keselamatan kawasan.
	Mengurangkan jenayah dan gejala sosial kawasan kampung
<b>Impak (Budaya)</b>	Gaya hidup masyarakat tempatan dikekalkan.
	Identiti/ adat resam sebuah keluarga diperturunkan melalui proses sosialisasi
	Budaya tempatan dikomersialkan bagi memenuhi permintaan pelancong.
	Membangunkan kumpulan kebudayaan
	Mewujudkan masyarakat cintakan budaya.
	Mengetahui budaya luar.
	Meningkatkan kesedaran budaya tempatan dalam kalangan penduduk
	Mengekalkan rumah tradisional tempatan
	Mengekalkan sukan tradisional/rakyat masyarakat tempatan.
	Pemuliharaan kawasan sejarah
Memelihara identiti budaya masyarakat.	

<b>Impak Alam Sekitar</b>	Menggalakkan pemuliharaan alam semula jadi
	Meningkatkan imej dan pemandangan kampung.
	Meningkatkan tahap kebersihan kawasan kampung
	Menggalakkan aktiviti kitar semula
	Melindungi hidupan liar seperti spesis burung migrasi.
	Membangunkan lebih banyak taman laut dan kawasan rekreasi
<b>Kesan Keseluruhan Impak</b>	Secara keseluruhan memberi manfaat ekonomi kepada masyarakat setempat
	Secara keseluruhan, memberi manfaat sosial kepada masyarakat setempat.
	Secara keseluruhan, dapat mempelbagaikan dan memelihara aktiviti kebudayaan tempatan
	Secara keseluruhan, aktiviti Kota Kinabalu meningkatkan kualiti alam sekitar

### **Kesimpulan**

Malaysia merupakan satu negara yang beruntung kerana terdapat beberapa tapak warisan budaya atau semula jadi telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai tapak warisan dunia. Ramai pelancong telah ditarik datang ke Malaysia kesan daripada pengiktirafan ini kerana ingin menikmati keindahan alam serta kepelbagaian budaya dan adat resam yang diamalkan oleh masyarakat Malaysia. Produk pelancong sedia ada yang ditawarkan kepada pelancong akan menjadikan potensi yang tinggi untuk meningkatkan industri pelancongan warisan. Jabatan Warisan Negara sepatutnya mempromosikan pelancongan warisan negara Malaysia di peringkat kebangsaan dan antarabangsa agar dapat dikenali oleh orang ramai. Namun, terdapat cabaran yang harus dihadapi sama ada sektor awam ataupun swasta termasuk memberi khidmat pendidikan kepada masyarakat ataupun pelancong dalam aspek pendidikan warisan dan alam sekitar. Oleh itu, setiap pihak harus bekerjasama termasuk pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan universiti tempatan agar mampu mewujudkan pembangunan pelancongan warisan yang lestari.

### **Rujukan**

- Abdullah. (2013). *Konstruksi dan Reproduksi Kebudayaan*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Almeida-García, F., Peláez-Fernández, M. Á., Balbuena-Vázquez, A., & Cortés-Macias, R. (2016). Residents' perceptions of tourism development in Benalmádena (Spain). *Tourism Management* 54: 259-274.
- Ardika. (2012). *Pusaka Budaya dan Pariwisata*. Denpasar: Pustaka Larasan
- Bagozzi, R. P., & Yi, Y. (1988). On the Evaluation Of Structural Equation Models. *Journal of the Academy of Marketing Science*, 16, 74–94.
- Cauto, Nasbahry. (2013). *Budaya Visual Seni Tradisi Minangkabau*, UNP Press, Padang.
- Crabtree, R. & Bayfield, N. (1998). Developing sustainability indicators for mountain ecosystems: A study of the Cairngorms, Scotland. *Journal of Environmental Management*, 52, 1-14.

- Dymond, S. J. (1997). Indicators of sustainable tourism in New Zealand: A local government perspective. *Journal of Sustainable Tourism*, Vol.5. No.4
- Godfrey, K. B. 1998. Attitudes towards 'sustainable tourism' in the UK: a view from local government. *Tourism Management* 19 (3): 213-224.
- Goeldner CR, Ritchie JRB (2006) *Tourism: Principles, Practices, Philosophies*. (10thed.). John Wiley & Sons, Inc., Hoboken, New Jersey.
- Ko, D.-W. and Stewart, W.P. (2002). A structural equation model of residents' attitudes for tourism development. *Tourism Management*, 23-, 521-530.
- Kuvan, Y., & Akan, P. 2005. Residents' attitudes toward general and forest-related impacts of tourism: the case of Belek, Antalya. *Tourism Management* 26(5): 691-706.
- Mitchell, Nora, Mechtild Rossler, Pierre-Marie Tricaud (Authors/Ed.). (2009). *World Heritage Cultural Landscapes, A Handbook for Conservation and Management*. Paris: UNESCO.
- Sabah. gov.  
[http://ww2.sabah.gov.my/md.ldu/index.php?option=com\\_content&view=article&id=97&Itemid=523](http://ww2.sabah.gov.my/md.ldu/index.php?option=com_content&view=article&id=97&Itemid=523). (Diakses pada 28 Nov 2018).
- Sham Sani. (2001). Public lecture: Developing urban sustainability indicators for Malaysia. No 3. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shukor, M. S., Salleh, N. H. M., Othman, R., & Idris, S. H. M. 2014. Perception of homestay operators towards homestay development in Malaysia. *Jurnal Pengurusan* 42: 3-17.
- Swain, M.B. and Shi, Y. (2013). Tangible Removal and Intangible Renewal in China's Stone Forest World Heritage Site. Prosiding. International Conference “
- UNWTO. (2015). “World Tourism Barometer”. volume 10. September 2015 (<http://mkt.unwto.org/en/barometer>) (Diakses pada 20 Oktober 2018).
- Volare.A.W & Rimadewi.S. (2012). Pelestarian Kawasan Cagar Budaya Berbasis Partisipasi Masyarakat (Studi Kasus: Kawasan Cagar Budaya Bubutan, Surabaya). *Jurnal Teknik Pomits* Vol. 1, No. 1, (2012) 1-5.
- World Heritage Centre. (2013). *Operational Guidelines for the Implementation of World Heritage Convention*. Paris: UNESCO World Heritage Centre.
- Yahya, Arif. (2014), *Peran Serta Masyarakat dalam Pengembangan Kepariwisata Indonesia dari masa Ke Masa*. Fakultas Sastra UGM, PUSPAR UGM